

**NO. SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**

**TARIKH : 10 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10086**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permit pekerjaan (work permit) yang telah dikeluarkan untuk warganegara Korea Utara untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada tahun 2017 dan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk menghadkan permohonan warganegara Korea Utara untuk bekerja di Malaysia.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah pemegang Pas Penggajian yang sah bagi warganegara Korea Utara di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 98 orang.**

**Pada masa ini, pekerja asing warganegara Korea Utara hanya terdapat di Negeri Sarawak dan kelulusan pengambilan tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Negeri. Manakala, Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 10 Mac 2017 telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Agensi Pelulus untuk tidak mempertimbangkan permohonan ekspatriat warganegara Korea Utara di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, ekspatriat warga Korea Utara yang masih mempunyai tempoh Pas Penggajian yang sah boleh meneruskan pekerjaan sehingga tamat tempoh pas.**

**SULIT**